



PEPERANGAN MANUSIA DENGAN NYAMOK

RANCHANGAN MENGHAPUSKAN DEMAM KURA

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Perubatan Negara Dr. Abdul Wahab bin Mohd. Ariff telah memberi amaran kepada orang ramai, kalau malaria (penyakit demam kura) meletus di-Brunei sekarang ini maka sangat-lah sukar bagi kita untuk menyingkirkan-nya, dan kalau pun boleh, akan memakan belanja yang amat besar.

Dr. Wahab berkata demikian tatkala mengumumkan tentang satu pelancharan ranchangan untuk menghapuskan penyakit demam kura di-Brunei yang telah pun di-rangka dan di-terima oleh pihak kerajaan.

Wang sa-jumlah \$5½ juta untuk di-belanjakan dalam masa lima tahun di-bawah Ranchangan Lima Tahun bagi membasmi penyakit tersebut, telah pun di-luluskan oleh kerajaan.

BERDASARKAN NASEHAT

Berdasarkan dengan nasehat2 yang telah di-beri oleh pakar2 malaria dari Pertubuhan Kesihatan Sa-Dunia, ranchangan ini memerlukan pembentokan sabuah Pejabat Perkhidmatan Menghapus Penyakit Demam Kura Negara, yang di-lengkapkan dengan pekerja2 dan alat2 yang perlu untuk menjalankan kerja2 itu dengan sa-penoh-nya.

Ranchangan ini akan di-lancarkan dalam empat tingkatan.

Usaha ini bukan sahaja untuk menghapuskan demam kura daripada kawasan Brunei, tetapi juga untuk menchegeh kemasokan penyakit itu dari kawasan2 yang ada penyakit itu, dan akhir-nya untuk meninggikan taraf sosial dan iktisad ra'ayat Negeri Brunei.

PERINGKAT PERTAMA

Dr. Wahab menambah kata, dalam peringkat pertama, pengambilan pekerja2 baharu dan melateh pekerja2 dalam semua bidang kerja melawan malaria akan di-jalankan, untuk melengkapkan pejabat tersebut.

Ini akan di-ikuti pula oleh perlengkapan2 kemudahan, membeli alat2 dan bekalan, serta

membentok satu dasar bagi memperkembangkan kerja dalam bidang teknik dan perkhidmatan dalam segi pentadbiran.

Tingkat akhir dalam ranchangan ini ia-lah menjalankan kerja2 menghapuskan penyakit itu dalam negeri ini.

Dr. Wahab juga menyatakan bahawa penyakit demam kura dalam negeri ini sangat tinggi jumlah-nya, tetapi apabila satu kempen telah di-lancarkan dalam tahun 1953, sa-ramai 3,063 orang telah di-dapati menghidap penyakit itu.

Kempen ini telah di-jalankan dengan tujuan untuk mengawal merebak-nya penyakit tersebut.

Laporan2 hasil dari pelancharan itu telah menunjukkan berbagai2 kekurangan. Tetapi ada

banyak kejadian lain yang tidak di-ketahui kerana ramai di-antara mereka yang menghidap penyakit itu enggan datang dan mendapatkan rawatan dari pihak yang berkuasa.

Dr. Wahab berkata bahawa, pada masa ini ada kemungkinan malaria akan merebak dalam ne-

geri ini, akibat berlaku-nya penderhakaan.

Semenjak berlaku-nya penderhakaan, ramai orang telah bergerak di-kawasan sempadan dan di-dalam hutan, dan ini tentu sakali menambahkan bilangan orang2 yang di-gigit oleh nyamok (Lihat Muka 4)

Rayakan Kebebasan

PEKAN BANGAR. — Satu perayaan yang memakan masa sa-lama tiga hari berturut2 sabagi menandakan bebas-nya Daerah Temburong dari gerakan penderhaka telah di-adakan di-sini dari 12 hingga 14 April yang lalu.

Pada hari pertama satu peraduan membacha ayat2 suci al-Koran telah di-adakan pada sabelah malam di-Mesjid Pekan Bangar.

(Lihat Muka 4)

65 TERBUNOH

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 65 orang penderhaka2 TNKU telah mati terbunuh sejak meletus-nya pemberontakan bulan Disember tahun lepas demikian di-umumkan oleh kerajaan minggu ini.

Pengumuman itu menyatakan terbunuh-nya mereka itu ada-lah di-sebabkan mereka enggan menyerah diri.

DO'A UNTOK SELAMAT BALEK



Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah (kiri sa-kali) sa-jurus sa-lepas kapal terbang yang membawanya mendarat di-Lapangan Terbang Brunei di-Berakas pada 12 April lepas.

PERJUMPAAN GURU2 UGAMA

Kemas Taraf Pelajaran

TUTONG.—Satu majlis perjumpaan sambil membincangkan perkara2 yang penting berkenaan dengan perkembangan sekolah2 U gama di-Daerah Tutong telah di-adakan di-bangunan Sekolah U gama Muda Hashim di-sini pada 6 April yang lalu.

Majlis yang di-anjarkan oleh Pemereksa Sekolah2 U gama di-daerah tersebut telah di-hadiri oleh 38 orang guru2 u gama dari beberapa buah sekolah u gama di-daerah itu termasuk di-antara-nya 7 orang guru2 perempuan...

Dalam ucapan-nya, Pemereksa Sekolah2 U gama tersebut yang telah mengerusi majlis itu, Inche Mahalee bin Haji Abdulah telah berkata bahawa tugas guru ada-lah berat kerana mereka ada-lah sa-bagai pemimpin yang besar dalam erti kata mendidik anak bangsa supaya menjadi orang yang lebih berguna di-masa hadapan.

Beliau telah mensifatkan bahawa tiap2 guru u gama ada-lah sa-bagai wakil dari jabatan u gama untuk menyebarkan pengetahuan u gama di-tiap2 kampung dan

daerah tempat mereka bertugas. Beliau menyeru kepada guru2 u gama di-daerah itu supaya sentiasa tabah dalam menghadapi berbagai2 dugaan di-kampung tempat mereka menyebarkan pelajaran u gama itu.

Di-samping itu, Inche Mahalee juga meminta kepada ketua2 kampung di-daerah itu supaya memberi kerjasama dan menggerakkan anak buah-nya supaya menuntut di-darjah2 dewasa u gama yang telah di-sediakan oleh Kerajaan.

Inche Mahalee menjelaskan bahawa tujuan mengadakan perjumpaan itu ia-lah untuk memperkemas taraf pelajaran Sekolah2 U gama di-Daerah Tutong.

Setia Usaha Majlis, Inche Saad bin Abdul Rashid dalam ucapan-nya telah berkata, tenaga dari guru2 u gama ada-lah sa-

ngat2 di-harapkan untuk lebih giat lagi dalam mengembangkan pelajaran u gama bukan hanya di-kalangan murid2 bahkan juga kepada seluruh masyarakat.

Turut memberi ucapan dalam majlis itu ia-lah Pemereksa Kanan Sekolah2 U gama Brunei, Tuan Haji Abdul Rahman bin Mohammad.

Kata beliau, tiap2 guru u gama hendaklah bersatu padu dengan masyarakat di-kampung dan guru2 sekolah Melayu dalam menchurahkan dan menggunakan peratoran2 pelajaran U gama yang sa-imbang dengan keadaan murid2 atau penuntut2 darjah2 dewasa U gama yang mereka di-dek itu.

Dalam menggesa keyakinan antara guru2 itu beliau telah melafadzkan sa-putong ayat Kitab Suchi Al-Koran yang bertujuan "bersatu padu-lah dengan jalan Allah dan jangan-lah kamu berpecah belah".

Antara yang di-perbincangkan dalam majlis itu ia-lah:

- ◆ Menyatukan kerja2 guru,
- ◆ Peratoran persekolahan dan
- ◆ Perkembangan Darjah2 Dewasa U gama.

Turut hadir dalam majlis itu ia-lah pemereksa sekolah2 U gama Daerah Belait, Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdullah.

Majlis perjumpaan tersebut diakhiri dengan satu persembahan "nashid" oleh guru2 u gama di-daerah itu dan di-ikuti dengan bacaan doa selamat.

BAKAL DOKTOR2 BRUNEI

UNITED KINGDOM.—Dua orang penuntut Brunei dalam ilmu kedokteran di-sini telah mendapat kejayaan yang gilang gemilang dalam tingkatan2 peperiksaan yang mereka ikuti dalam siri kursus tersebut.

Inche Sherlock Chen, penuntut Brunei yang terlama sa-kali di-United Kingdom, telah lulus dalam peperiksaan akademik yang terakhir dengan mendapat kepujian.

Menuntut di-Universiti Aberdeen, Scotland, beliau sekarang memulakan latching dalam perkhidmatan2 di-rumah sakit.

Inche Sherlock di-jangka menamatkan kursus kedokteran-nya yang lengkap dalam tahun 1965.

Sa-orang lagi penuntut dalam ilmu kedokteran-nya di-Glasgow telah juga berjaya dengan mendapat kepujian yang chemerlang dalam peperiksaan tahun yang pertama.

Beliau ia-lah Inche Hussain bin Mohammad Daud.

Inche Hussain telah di-kurniakan certificate of merit dalam Bilogy dan telah lulus dengan mendapat tingkat pertama dalam Physics.

Pepereksaan Menaip

BANDAR BRUNEI.—Satu pepereksaan menaip dan trengkas bagi pertengahan tahun 1963 yang di-anjarkan oleh trengkas Melayu Institute Malaya dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei akan di-adakan mengikut tarikh2 yang di-tentukan.

Chalon2 yang memasoki pepereksaan tersebut akan di-kenakan bayaran mengikut tingkatan2 yang mereka masoki dalam dua bahagian itu.

Chalon2 yang memasoki pepereksaan menaip tingkatan permulaan dan menengah akan di-kenakan bayaran-nya sa-banyak \$10.00 tiap2 tingkatan.

Bagi pepereksaan trengkas pula, chalon2 yang memasoki pepereksaan tingkatan permulaan dan menengah akan di-kenakan bayaran-nya sa-banyak \$10.00 pada tiap2 tingkatan, manakala tingkatan tertinggi pula bayaran akan di-kenakan sa-banyak \$15.00 tiap2 sa-orang chalon.

Pepereksaan2 tersebut ada-lah dalam Bahasa Melayu dan tarikh2 akan di-adakan pepereksaan2 itu ada-lah seperti berikut:

◆ Pepereksaan menaip dalam Bahasa Melayu akan di-adakan pada 31 Mei, 1963; dan

◆ Pepereksaan trengkas Melayu akan di-adakan pada 2 Jun, 1963.

Menurut juruchapak Jabatan Pelajaran Bahagian Bahasa dan Pustaka, masa dan tempat pepereksaan2 tersebut akan di-atorkan kemudian.

Permohonan2 kerana memasoki

pepereksaan itu hanya akan diterima pada atau sa-hingga 30 April, 1963.

Borang2 memasoki pepereksaan itu boleh di-dapati dari Pejabat Pelajaran Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Sa-bahagian dari guru2 U gama yang telah meng-hadiri perjumpaan itu sedang tekun mengikuti sharahan2 yang telah di-berikan sa-masa perjumpaan tersebut di-adakan pada 6 April lepas, di-Sekolah U gama Muda Hashim, Tutong.



PASOKAN KESELAMATAN

HAPUSKAN PENDERHAKA

BANDAR BRUNEI.—Pasokan Keselamatan Angkatan Bersenjata di-Brunei sejak dua minggu kebelakangan ini telah mengetatkan lagi gerakan-nya untuk menghapuskan semua saki baki penderhaka yang maseh lagi bersembunyi di-hutan2.

Ini ada-lah untuk membersekan hutan2 dan kawasan2 di-

ketiga2 wilayah British Borneo ini dari penderhaka2 dengan tujuan memulihkan keamanan dengan sa-berapa segera yang boleh sa-belum ujud-nya Persekutuan Malaysia bulan Ogos ini.

Membantu gerakan2 itu kapal terbang Hunter kepunyaan Angkatan Udara Diraja telah terbang rendah di-angkasa negeri ini.

Balek Belajar

BERAKAS.—Sembilan orang penuntut2 Brunei di- Kolij Islam Malaya telah berlepas dengan kapal terbang menuju Persekutuan Tanah Melayu pada 5 April lepas untuk melanjutkan pelajaran mereka di-sana.

Penuntut2 tersebut telah pulang ka-Brunei pada 17 Januari yang lalu kerana menghabiskan chuti tahunan mereka bersama2 dengan keluarga mereka di-sini.

Penuntut2 Borneo Di-Australia Derma Mangsa Banjir

BRUNEI.—Persatuan Penuntut2 Borneo di-Australia telah menderma sa-banyak \$81.00 untuk tabong derma banjir demikian menurut Jawatankuasa Derma Banjir di-Bandar Brunei baharu2 ini.

Inche Anthony Wong, setiausaha Persatuan Penuntut2 Borneo di-Queensland, Australia berkata dalam surat-nya kepada jawatankuasa tersebut wang sa-banyak itu juga akan di-kirim ka-Sarawak dan Sabah untuk bantuan kepada mangsa2 banjir di-wilayah2 itu.

Wang itu, kata-nya, ada-lah hasil kutipan dari para dermawan yang terdiri dari penuntut2 dari Borneo sekarang sedang menuntut di-Queensland.

Jawatankuasa Derma Banjir Brunei memberitahu bahawa jumlah wang yang di-terima se-

karang meningkat sa-banyak \$25,057.65.

Derma yang lain-nya juga telah di-terima dari:

Kesatuan Pegawai2 tetap Kerajaan Brunei — \$686.50, Pasokan Pengakap Sekolah St. Andrew — \$30.00, Persatuan Bumi Putera Kuala Belait — \$30.00, pegawai2 di-Pejabat Pegawai Daerah Tutong — \$100.90 pegawai2 Kastam — \$55.00, pegawai2 Pejabat Hal Ehwal Ugama Brunei — \$185.50, Perikatan Rakyat Brunei bahagian Kuala Belait — \$130.90, Pandu Puteri Belait — \$20.00, Persatuan Dayak Kuala Belait — \$30.00 dan Persatuan Kadazan Kuala Belait — \$40.00.

Ada-lah di-fahamkan jawatankuasa derma banjir itu masih lagi menerima derma yang berupa wang.

Bantuan yang berupa wang ada-lah sangat2 di-harapkan kira-nya mangsa2 banjir itu akan di-bantu dengan baik-nya, kata setiausaha jawatankuasa itu.

MESHUARAT AGONG TAHUNAN

SERIA. — Kelab Belia Seria akan mengadakan meshuarat agong tahunan-nya bertempat di-bangunan kelab tersebut di-sini pada 21 April akan datang ini.

Juruchakap kelab itu memberitahu bahawa meshuarat tahunan itu di-jangka akan di-adakan lebih awal dari tarikh itu, tetapi tidak dapat di-lakukan oleh kerana beberapa sebab.

Meshuarat akan mulai di-adakan pada jam 9.00 pagi hari itu.

Seluruh ahli2 ada-lah di-persilakan untuk menghadiri meshuarat itu, kerana rundingan2 penting yang membabit berbagai2 tajuk di-jangka akan di-bincangkan.

PENGAKAP2 BERKERJA UNTOK UPAHAN \$1

BRUNEI.—Sejok 14 April yang lalu pegakap2 dan anak2 serigala di-seluruh Negeri Brunei telah datang rumah2, pejabat2 dan tempat2 pekerjaan untuk memberikan perkhidmatan2 mereka dalam kerja apa jua untuk satu ringgit.

Ini ada-lah minggu pekerjaan tahunan bagi pengakap2, dan akan berakhir pada 20 April akan datang ini.

Hanya waktu ini saja-lah sa-saorang pengakap minta bayaran upah atas perkhidmatan-nya. Biasa-nya perkhidmatan2 dari pengakap di-beri dengan percuti-ma.

Pengakap2 dan anak2 serigala itu masing2 ada membawa sa-

keping kad untuk pelanggan2 menulis jenis kerja yang di-buat oleh pengakap2 dan juga upah-nya.

Sa-helai kertas kerja untuk di-tampil oleh pelanggan2 di-tingkap atau pintu rumah yang sudah di-lawati oleh pengakap2 itu di-berikan kepada pelanggan2 yang lain-nya tidak lagi mendaftari tempat itu.

Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei Inche P.A. Coates berkata pengakap2 sekarang sangat ghairat untuk mengatasi rekod kutipan-nya dalam tahun ini kerana mereka banyak mempunyai ranchangan yang memerlukan wang.

Wang ada-lah di-kehendaki untuk membiayai wakil2 pengakap dari Brunei ka-Jambore Pengakap sa-Dunia yang akan di-adakan di-Greece tahun ini.

Pengakap itu juga akan membeli khemah dan alat2 kelengkapan pasokan2 pegakap di-seluruh negeri.

PASAR GEMBIRA

SERIA. — Satu temasha pasar gembira dan jualan barang2 makanan telah di-adakan di-Community Hall, Lurong 5, Seria pada 13 April lepas, atas anjoran Perkumpulan Perempuan Brunei bahagian Seria.

President perkumpulan itu, Che Masraini Daud telah memberitahu hasil dari jualan2 itu nanti akan di-gunakan untuk membeli perabot dan barang2 perkakas bagi pejabat perkumpulan tersebut.

Pejabat itu di-jangka akan dibuka bulan Mei ini.

Beliau menambah kata bahawa perkumpulan itu juga berniat akan membuka darjah urusan rumah tangga untuk ahli2-nya di-kawasan Seria/Belait.

Sa-panjang temasha pasar gembira itu di-adakan ramai kaum wanita dan anak2 datang membeli belah dan menyaksikan temasha tersebut.

“Anggerek Desa” Baru

BERAKAS.—Ketua dan anak2 Kampong Pulaie Baru, Berakas, dalam satu majlis perundingan mereka baharu2 ini telah bersetuju untuk menukarkan nama Kampong Pulaie Baru itu kepada nama yang baharu ia-itu “Kampong Anggerek Desa”.

Dalam sa-puchok surat-nya, Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, ketua kampong tersebut berkata bahawa kawasan Kampong Anggerek Desa itu ada-lah salah sa-buah kawasan perpindahan penduduk2 yang berasal dari kampong ayer di-Bandar Brunei.

Penukaran nama kampong tersebut telah pun mendapat persetujuan dari Pegawai Perpindahan dalam satu perjumpaan beliau dengan ketua2 kampong perpindahan kawasan Berakas yang telah di-adakan pada 9 March lepas.

Anggerek Desa ia-lah sa-jenis bunga okid yang menjadi kege-

maran orang2 kampong baharu itu, kata Pengiran Damit.

Kata-nya kebanyakan anak2 kampong di-sana yang mempunyai kebun bunga2an chenderong memelihara okid anggerek desa.

Kampong Pulaie ia-lah nama asal tempat itu dan bukan-nya nama kampong perpindahan yang baharu, dan dengan persetujuan sa-bulat suara, kata Pengiran Damit, nama kampong itu telah di-persetujui sa-bagai Kampong Anggerek Desa.

Jumlah penduduk Kampong Anggerek Desa itu ada-lah lebih dari 400 orang.

PEGAWAI P.B.B. LAWAT WILAYAH2 BORNEO

BANDAR BRUNEI. — Ketua Kabinet Pertubuhan Bangsa2 Bersatu Tuan C.V. Narashimhan dijadualkan tiba di-sini lusa.

Beliau di-jangka akan berada di-negeri ini sa-lama dua hari dalam satu kunjungan untuk memastikan kedudukan yang ada sekarang ini bagi negara di-Asia Tenggara.

Satu kenyataan Kerajaan berkata, bahawa perutusan yang sedang di-laksanakan itu ada-lah kemahuan Setiausaha Agong Bangsa2 Bersatu U Thant, yang telah melantik Tuan Narashimhan, sa-bagai wakil peribadi-nya,

untuk menghadhiri upacara penyerahan pentadbiran wilayah Irian Barat, kepada kerajaan Indonesia pada 1 Mei ini.

Ini ada-lah sa-bagai lanjutan Perutusan Tuan Narashimhan dari sejak beliau telah di-tugaskan dalam bulan Februari yang lalu.

Kunjungan beliau kali ini, ada-lah meliputi Kuching, Brunei, Jesselton, Manila, Kuala Lumpur, Singapura dan Jakarta.

Tuan Narashimhan akan berjumpa dengan pemimpin2 kerajaan, di-negara2 yang di-lawati-nya, dan kemudian akan melaporkan kepada U Thant.

Tambah Anggota2 Bersenjata

KUALA LUMPUR.—Ketua Turus Angkatan Bersenjata Malaya, General Sir Rodney Moore telah berkata di-sini minggu lepas, ranchangan2 telah pun siap untuk menambahkan lagi sa-banyak 30% anggota2 Bersenjata Persekutuan.

Kata beliau pembesaran angkatan bersenjata dari 15,000 orang yang ada sekarang ini telah pun di-sahkan.

Ini ada-lah memandang kepada tanggung jawab yang sa-makin bertambah dalam Malaysia dan juga di-sebabkan ancaman dari luar, kata beliau.

General Moore telah memberitahu pemberita2 di-lapangan terbang sa-jurus sa-belum beliau berlepas ka-Britain kerana berchuti sa-lama enam minggu.

Kata beliau perundingan2 antara Malaya dan Britain yang hanya masih lagi sekarang ini ia-lah perkara mengenai kewangan.

Sa-peninggalan beliau dari Malaya itu, kata-nya, beliau berharap akan dapat mengadakan perbincangan2 dengan pakar2 tentera dan pertahanan di-Britain.

Meraikan Hapus-nya Penderhaka2

(Dari Muka 1)

Ke-esokan hari-nya, Pasokan Keselamatan dari Ketumbukan Pertama 7th Duke of Edinburgh's Own Gurkha Rifle dan Gurkha Engineer telah mengadakan satu pertunjukan sambil memperlihatkan kecekapan mereka dalam menggunakan senjata2 api yang digunakan mereka untuk menghambat keluar penderhaka2 yang bersembunyi di-hutan2.

Dalam pertunjukan yang telah di-langsungkan di-tempat yang khas di-bena di-antara Jalan Batu Apoi dan Temburong itu, Pasokan Keselamatan telah memperlihatkan kecekapan mereka dalam menggunakan senapan rifle dan sten-gun dengan menimbak tin2 kosong yang kecil dalam jarak 200 kaki.

Mereka juga menunjukkan chara2 menggunakan "mariam katak" yang berukuran 2 inci. Senjata api ini mempunyai dua faedah ia-itu mengeluarkan asap di-waktu siang dan bahaya di-waktu malam. Senjata ini boleh mengeluarkan asap hingga tingginya 400 ela ka-angkasa.

Dalam pertunjukan itu orang awam telah juga di-beri kesempatan untuk mengambil bahagian dan menggunakan senjata tentera itu dengan sa-chara langsung.

MENIMBAK TEPAT

Dalam acara ini, Teo Eng Teck, Manager Ladang Getah di-Batu Apoi yang juga menjadi Ketua Kaum China Daerah Temburong telah memperlihatkan kecekapan-nya dalam menggunakan senapan "rifle" modern dengan menembak tepat ka-ma-talamat yang telah di-khaskan dengan memperoleh 17 round daripada 20 round.

Lebih 300 orang penduduk2 Temburong laki2 dan perempuan telah hadir untuk menyaksikan pertunjukan tersebut.

Selesai saja pertunjukan tersebut, satu permainan pencharagam tentera, pertunjukan

perbarisan dan "beating the retreat" telah di-adakan.

Sa-belum itu, pasokan keselamatan telah menunjukkan chara menembakkan "mariam katak" yang berukuran 3 inci dengan menembak dengan kekuatan 3,100 ela dan boleh menembak dengan letupan yang besar.

Dalam keterangan-nya Lt. Col. JE. Heelies Pegawai Pemerintah, Pasokan Keselamatan di-sini, telah berkata bahawa pertunjukan tersebut ada-lah bermaksud supaya ra'ayat di-negeri ini mengetahui yang pasokan anggota tentera ada-lah sahabat mereka.

Satu pameran alat2 senjata api modern yang di-gunakan oleh tentera keselamatan itu telah juga di-adakan di-hadapan Asrama Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar.

ANIKA RAGAM

Tayangan wayang gambar dari Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, pertunjukan anika ragam dan upacara bergendang telah juga di-adakan pada sa-belah malam-nya.

Pada sa-belah pagi hari terakhir perayaan itu temasha mengamping dan bermain gasing oleh penduduk2 Daerah Temburong telah di-adakan di-belakang bangunan Rumah Sakit, Bangar.

Dalam temasha mengamping itu, orang ramai telah di-persilakan untuk menikmati-nya, sa-baik saja amping itu sudah menjadi buhur.

Pada sa-belah malam-nya pula, telah di-adakan malam anika

ragam dan di-ikuti dengan "bersahaja".

Pasokan keselamatan yang terdiri dari Askar2 Gurkha telah juga mempersembahkan tarian2 Scotland dan nyanyian2 pada


malam tersebut.

Penduduk2 di-sekitar Daerah Temburong telah membanjiri padang Pekan Bangar untuk merayakan perayaan2 sa-lama tiga hari berturut2 itu.

PEPERANGAN DENGAN NYAMOK

(Dari Muka 1)

★
Dr.
Abdul
Wahab
★



tirok (malaria) yang sedia membawa penyakit itu.

Satu kejadian demam kura yang kecil telah di-beritakan berlaku di-Jalan Jerudong, berikutan dengan meletus-nya penderhakaan baharu2 ini.

Pegawai Perubatan Negara itu menjelaskan bahawa ranchangan tersebut ia-lah peperangan antara nyamok tirok dan manusia.

Malaria harus telah melemahkan dan membunuh ramai penduduk2 dalam negeri ini, terutama sa-kali mereka yang diam di-kawasan luar bandar dan yang berdekatan dengan hutan2.

Beliau sa-terus-nya menyeru orang ramai supaya berkerjasama dengan pekerja2 Perkhidmatan Menghapuskan Malaria Kebangsaan, dalam ranchangan-nya menghapuskan penyakit demam kura itu.

Kata beliau, masa-nya sudah tiba bagi kita bekerja keras, melawan penyakit itu, terutama sa-kali di-kawasan2 luar bandar.

Ranchangan ini bukan sahaja mempunyai tujuan hendak mengawal malaria, tetapi menjahanamkan dan menghapuskan-nya sama sa-kali dari bumi ini.

PERKHIDMATAN TALIPUN DI-TEMBURONG DI-TAMBAH LAGI

PEKAN BANGAR.— Perkhidmatan talipun yang menghubungkan antara Bandar Brunei dengan Daerah Temburong pada masa ini telah di-tambah lagi untuk memudahkan perhubungan dengan serta merta.

Ini telah di-nyatakan oleh Pegawai Daerah Temburong, Inche

Matnoor MacAfee dalam pertemuannya dengan pemberita Pelita Brunei baharu2 ini.

Inche Matnoor berkata, memandangkan kepada perhubungan antara Daerah Temburong dengan Bandar Brunei yang hanya melalui dengan jalan sungai sahaja, maka mustahak-lah di-tambah perkhidmatan talipun itu lagi.

Sa-belum terketus-nya penderhakaan pada 8 Disember tahun lalu, perkhidmatan talipun di-Daerah Temburong hanya tiga buah sahaja ia-itu sa-buah di-Balai Pulis, sa-buah di-Pejabat

Pegawai Daerah dan sa-buah di-tempat perantaraan talipun2 (exchange).

Menurut Inche Matnoor lagi, ketiga2 buah talipun itu hanya boleh di-chantumkan oleh tenaga satu saluran alat penyambung.

"Tetapi sekarang kerisauan penduduk2 di-Daerah Temburong sudah tidak saperti dulu lagi," tegas beliau.

Perkhidmatan talipun di-daerah itu pada masa ini telah ditambah sa-hingga 15 buah dan kerja2 memasang peralatan-nya telah pun di-jalankan oleh pihak Jabatan Talikom Negara, Brunei.

Inche Matnoor berkata perkhidmatan talipun itu bukan hanya di-berikan kepada pejabat2 kerajaan bahkan juga kepada kedai2 yang mengkehendaki-nya.

Pengambilan Bakal2 Askar

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan yang akan bertugas untuk mengambil bakal2 askar Melayu Brunei di-jangka akan sampai di-sini tidak berapa lama lagi.

Rombongan itu ia-lah terdiri dari pegawai2 tentera dari berbagai2 jurusan dari Markas Angkatan Tentara Brunei di-Perkhe-

makan Siginting, Negeri Sembilan.

Anak2 muda yang berniat akan memuhunkan menjadi bakal2 askar itu boleh-lah mendapatkan butir2 yang lanjut mengenai kelayakan untuk menjadi sa-orang perajurit dari Pegawai Perhubungan Tentera, Askar Melayu Brunei di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan.



Pegawai Daerah Temburong, Inche Matnoor MacAfee, nombor dua dari kanan sedang menimbak padi bersama2 dengan penduduk2 di-Daerah Temburong. Di-sabelah kanan sa-kali ia-lah isteri beliau. Gambar ini di-ambil ketika mengadakan temasha mengamping.

PEMANDANGAN2 MERAYAKAN HARI BEBAS



Gambar2 dalam ruangan ini ada-lah menunjokkan sa-bahagian daripada pemandangan dalam perayaan sa-bagai menendakan bebas-nya Daerah Temburong dari gerakan penderhaka yang telah di-langsungkan di-Pekan Bangar sa-lama tiga hari berturut2 dari 12 hingga 14 April yang lalu.

Tiga hari berturut2 Pekan Bangar di-waktu malam kelihatan oerwarna-warni di-terangi oleh lampo2 yang beranika warna sambil penduduk2-nya dan ahli2 Tentera Keselamatan mengadakan berbagai2 pertunjukan dan pada waktu siang pula berbagai2 pertunjukan ketenteraan telah di-adakan.

Dalam temasha mengamping, ahli2 pasokan keselamatan telah juga bersama2 penduduk2 Daerah Temburong menumbok padi diselang dengan gelak ketawa.

Gambar atas kiri: Sa-orang askar Gurkha sedang memberi pencerangan kapada salah sa-orang peserta dalam satu peraduan menembak yang di-bukakan kapada orang2 awam.

Gambar sa-belah kanan: Sa-orang ahli main gasing kelihatan sedang menenong gasing-nya yang sedang berputar sa-lama lebeh kurang sa-tengah jam.

Gambar bawah sa-belah kiri: Ahli2 pasokan keselamatan sedang hendak menalakan menumbok padi bersama2 dengan kaum ibu di-temasha mengamping.

DARI PENDERHAKA2



DI-PEKAN BANGAR

Atas: Pasokan Keselamatan kelihatan sedang mengadakan upacara permainan pencharagam tentera yang di-langsungkan di-Padang Pekan Bangar.

Bawah: Kaum ibu kelihatan sedang merendang (menguar) padi yang akan di-tumbok untuk di-jadikan amping.



DPMM Kembali Berchuti

BERAKAS. — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan adinda-nya Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohammad Bolkiah telah pulang ka-tanah ayer dari Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada 12 April lepas kerana berchuti sekolah sa-lama kira2 tiga minggu.

Kembali bersama2 baginda ialah sa-orang putera Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Benda-hara, tiga orang putera kapada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, sa-orang putera kapada Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar, Dato Setia Pengiran Haji Ali dan dua orang putera kapada Timbalan Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Md. Yusuf.

Di-lapangan terbang Berakas, rombongan baginda telah di-sambut oleh Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato Setia Marsal bin Maun, Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali, Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Raja Azam, Timbalan Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Md. Yusuf, Pegawai2 Kanan Kerajaan, Pengiran2, Pehin2, Ketua2 Kampung dan orang ramai.

Sa-baik saja rombongan baginda tiba di-lapangan terbang, Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun menjunjung baginda untuk berjabat salam dengan Pegawai2 Kanan Kerajaan dan pembesar2 lain-nya.

Sementara itu, dua orang pelateh Cadet Wing Brunei dan dua orang pelateh Boys Wing Brunei yang berlateh di-Maktab Tentera Persekutuan, Sungai Besi, Selangor, Persekutuan Tanah Melayu telah juga pulang ka-tanah ayer dengan kapal terbang yang sama kerana berchuti sa-lama kira2 tiga minggu.

Mereka ia-lah O.C. Arifin bin Wahab, O.C. Md. Yusuf bin Said (kedua2-nya pelateh Cadet

Wing), Musa bin Ya'akob dan Karim bin Mohammad, (kedua2-nya pelateh Boys Wing).



Menteri Muda Inche Mohd. Ismail bin Mohd. Yussuf (kiri sa-kali) kelihatan sedang memberi penerangan kapada para rombongan Brunei di-bilek Persidangan di-bangunan Kementerian Hal Ahwal Dalam Negeri di-Kuala Lumpur.

Kutip Bahan2 Malaysia

BANDAR BRUNEI—Sa-orang pegawai dari British Broadcasting Corporation London (BBC), Inche Robert Milne-Tyres telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, di-Istana Darul Hana, sa-belum berlepas ka-Kuala Lumpur pada hari Isnin lepas.

Inche Robert telah mengadakan lawatan sa-lama dua hari di-Brunei dalam siri lawatan beliau ka-Wilayah2 British Borneo.

Menurut Inche Robert, lawatan beliau ka-wilayah2 Borneo itu ia-lah untuk merakamkan temu-ramah-nya dengan pemimpin2 terkemuka di-kawasan2 tersebut.

Dalam lawatan-nya beliau telah mengutip bahan2 untuk di-jadikan ranchana2 mengenai Wilayah2 Malaysia.

Ranchana2 tersebut akan di-siarkan dalam bulan depan dengan melalui perkhidmatan umum sa-berang laut, kata-nya.

Ranchana itu nanti akan memberitakan perkara2 dalam hal sosial, ekonomi dan pergerakan politik Malaysia, tambah beliau.

Dalam masa lawatan beliau di-Kuala Lumpur nanti, beliau akan mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abd. Rahman.

PEMIMPIN PARTI2 MELAWAT MALAYA

KUALA LUMPUR.— Satu rombongan sa-ramai 14 orang pemimpin2 dari Parti Perikatan Brunei telah selesai mengadakan satu lawatan sambil memerhati di-Persekutuan Tanah Melayu minggu lalu.

Mereka telah sampai di-sini dari Brunei pada 2 April lepas.

Lawatan mereka yang mengambil masa sa-lama dua minggu itu ada-lah untuk melihat dengan mata sendiri kemajuan dan perkembangan2 di-sana sejak Persekutuan mencapai kemerdekaan-nya dalam bulan Ogos tahun 1957.

MELAWAT UNIVERSITI

Dalam bidang lawatan itu mereka di-jadualkan berpeluang melawat ka-Universiti Malaya, Port Swettenham, kawasan perkembangan luar bandar di-Pulau Penang, Kedah, Kelantan dan Terangganu dan lain2 temp lagi.

Mereka telah juga mengadakan perjumpaan dengan Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio Inche Mohd Ismail bin Mohammad Yussuf, waktumana Menteri itu telah memberi penerangan mengenai aspek2 berkenaan Malaysia.

Rombongan Brunei itu telah di-ketuai oleh Inche Arshad bin Marsal, president Parti Perjuangan Ra'ayat Brunei.

Lawatan berakhir pada 15 April lalu.

LATEHAN BERMUTU TINGGI

BERAKAS. — Pengetua Jurusan Teknologi di-Maktab Brighton di-London, Dr. G.E. Watts berkata minggu ini, bahawa beliau sangat tertarek, dengan alat2 teknik yang di-lengkapkan di-Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell, di-Seria, dan latehan2 yang bermutu tinggi, yang di-beri kapada penuntut2 di-sekolah itu.

Tatkala memberitahu dalam suatu persidangan akhbar di-Lapangan Terbang Brunei di-sini pada 15 April lepas, sa-jurus sa-belum bertolak ka-Jesseltan, Dr. Watts berkata, kunjongan-nya ka-daerah2 Malaysia ada-lah untuk mengutip laporan2 mengenai kemajuan2 yang di-chapai dalam jurusan teknik di-kawasan2 tersebut, sa-lama sa-puluh tahun yang lalu.

Dr. Watts berkata, sa-jauh ini, sa-ramai 180 orang penuntut dari Tanah Melayu sedang mengaji di-Maktab Teknologi, Brighton.

Beliau berharap dengan pembentukan Persekutuan Malaysia banyak-lah lagi penuntut2 dari daerah2 Malaysia, akan pergi ka-Britain, untuk melanjutkan pelajaran-nya yang lebih tinggi terutama dalam bidang teknik.



Guru2 Ugama Daerah Tutong bergambar ramai bersama2 dengan Pemereksa Sekolah2 Ugama Daerah Tutong, Inche Mahalee (duduk nombor 6 dari kiri), di-sabalah kanan beliau ia-lah Pemereksa Sekolah2 Ugama Daerah Belait, Inche Abd. Rahman dan nombor 8 dari kanan ia-lah Pemereksa Kanan Sekolah2 Ugama Brunei, Haji Abd. Rahman (Berita penoh di-muka 2)

PERTUNJOKAN MENEMBAK DI-TEMBURONG



Pemandangan sa-waktu Pasokan Keselamatan yang berpusat di-Temburong sedang mengadakan pertunjukan menembak dengan menggunakan senapan rifle dan sten-gun. Asap yang berkepul2 itu ia-lah kesan dari bom asap yang di-gunakan mereka untuk melindungi diri sa-masa dalam pertempuran.

SUARA BRUNEI AKAN DI-DENGAR NEGERI2 TETANGGA

BANDAR BRUNEI. — Suara Brunei akan dapat di-dengar di-seluruh wilayah2 dalam lengkungan Malaysia sa-lepas 31 Ogos tahun ini, demikia Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Inche Salleh Kadir telah mengumumkan.

Inche Salleh berkata tapak yang luas-nya 40 ekar di-kawasan Berakas telah pun di-sediakan untuk pemancharan gelombang pendek 10kw, dan pembenaannya akan di-mulakan dalam masa yang singkat.

Mat2 pemancharan dan ke-angkatan2 yang mustahak telah pun sampai dari Amerika Shari-kat.

Pemancharan gelombang sederhana 10 kw juga akan di-bena di-kawasan Berakas itu.

Ini ada-lah untuk membolehkan penduduk2 di-kawasan2 Muara/Berakas dan Temburong mengikuti ranchangan2 Radio Brunei dengan terang dan baik.

Kira-nya ranchangan2 yang telah pun di-benarkan oleh kerajaan itu tidak tergendala maka suara Brunei bukan sahaja dapat di-dengar oleh negeri2 tetangga bahkan masa-nya di-udara pun akan lebih panjang lagi, kata Timbalan Pengarah itu.

Kata-nya mulai 5 Mei ini siaran dari Radio Brunei dalam ketiga2 bahasa akan di-panjangkan dari 9 jam hingga 14 jam pada tiap2 hari.

Mulai 1 April lepas siaran khas bagi Pasokan Angkatan Bersenjata telah pun di-mulakan sa-lama satu jam pada tiap2 hari ia-itu dari jam 4.00 hingga 5.00 petang.

Inche Salleh juga memberitahu bahawa satu majallah Radio Brunei yang di-beri nama **SUARA BRUNEI** akan mulai di-terbitkan pada 5 Mei akan datang, tetapi penjualan-nya akan di-la-

kukan sa-minggu sa-belum tarikh itu.

Majallah ini akan mengandongi ranchangan sa-lama dua minggu sa-kali.

Suara Brunei akan juga mengandongi beberapa buah ranchana2 khas.

Borang untuk peminat lagu2

permintaan juga akan di-dapati dalam majallah ini, untuk di-gunakan sa-bagai menggantikan borang2 yang telah biasa di-pakai itu.

Ada-lah di-fahamkan bahawa permintaan2 bagi lagu2 kegemaran para pendengar hannya akan di-layani dengan menggunakan borang yang ada di-sediakan dalam majallah Suara Brunei.

Majallah yang juga di-hiasi dengan berbagai gambar2 yang menarik akan di-jual kepada orang ramai dengan harga 30 sen sa-naskhah di-kedai2 penjual buku di-seluruh negeri.

BENA JALAN RAYA UNTUK KEMUDAHAN PENDUDOK2

KUALA BELAIT. — Penghulu Kampung Bukit Sawat, Inche Sahari bin Karim meminta supaya Jalan Bukit Sawat/Merangking Ulu di-sambong hingga ka-jalan raya baharu Jalan Liang/Bukit Puan, ia itu melalui Kuala Sungai Mau.

Inche Sahari telah mengemukakan permintaan itu dalam satu meshuarat bagi penghulu2 dan ketua2 di-Daerah Belait dengan Pegawai Daerah Belait pada awal bulan ini.

Kata Inche Sahari jalan raya ini ada-lah perlu di-bena untuk kesenangan orang2 kampung disana. Lagi-pun, sambong-nya, ini hanya-lah suatu usaha untuk menghubungkan dua buah jalan raya tersebut dan juga menghubungkan antara kampung2 di-kawasan itu.

Menjawab chadangan ini Pegawai Daerah akan memanjangkan perkara tersebut kepada Pesuruh Jaya Kemajuan, Brunei.

Satu lagi chadangan yang di-kemukakan oleh Penghulu Kampung Bukit Sawat itu ia-lah mengenai padang permainan Sekolah Melayu Bukit Sawat

yang sekarang ini lichak dan tidak dapat di-gunakan oleh murid2 sekolah itu.

Ini, kata-nya, ada-lah akibat kejadian banjir yang baharu2 ini.

Penghulu itu mengatakan padang ini patut di-tembok. Sekolah itu tidak lama lagi akan mengadakan Hari Ibu Bapa, Inche Sahari menegaskan.

Tentang ini telah juga diterangkan oleh Pegawai Daerah akan di-panjangkan-nya kepada pihak Jabatan Pelajaran untuk tindakan2 yang wajar.

Sementara itu Inche Razali bin Yusof, penolong penghulu Kampung Labi, telah juga menyatakan bahawa Sekolah Melayu Rampayoh, Labi ada-lah dalam keadaan lama dan merbahaya dan kebanyakan perakas2-nya burok dan perlu di-ganti.

Peraduan Mengarang

KUCHING. — Dewan Sastera Borneo di-sini telah menawarkan hadiah wang sa-jumlah \$800 bagi karangan2 asli yang terbaik dalam pertandingan mengarang kali yang ke-6.

Sa-waktu mengumumkan hadiah2 tersebut Dewan itu menyatakan, karangan2 untuk pertandingan hendak-lah sampai kepada Pengarah dewan itu di-alamat Dewan Sastera Borneo (atau Borneo Literature Bureau), Kuching, tidak lewat dari 30 September tahun ini.

Karangan2 yang akan di-tandingkan hendak-lah dalam sa-ba-rang bahasa yang di-gunakan di-Borneo dan mesti-lah di-antara 10,000 hingga 30,000 perkataan.

Tajok karangan tidak di-hadkan asalkan ia-nya ada sangkut paut dengan keadaan di-Borneo.

Karangan2 hendak-lah di-tulis dengan terang dengan menggunakan da'awat atau pun taip dan boleh di-karang dalam bentuk sa-buah cerita panjang atau beberapa kutipan cerita2 pendek dan renchana.

Karangan2 yang berjaya harus akan di-siarkan dan dengan ini bayaran menyiarkan akan di-bayar kepada pengarang-nya sa-lain dari bayaran hadiah yang di-tentukan itu.

Tiap2 peserta hendak-lah disertai dengan satu kenyataan yang mesti di-tanda tangani oleh pengarang-nya seperti berikut:

"Karangan ini ada-lah hasil dari usaha saya sendiri tanpa mendapat pertolongan dari orang lain, dan tidak di-salin dari mana2 buku dan tidak pernah di-siarkan sa-belum ini."

SERUAN KERAJAAN

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei menyeru seluruh ra'ayat supaya bekerjasama dengan pihak Pasokan Keselamatan di-Brunei untuk fa'edah dan keamanan Negeri.

Orang ramai, kata seruan itu, hendak-lah memberikan kerjasama yang penoh dengan jalan memberi apa2 bantuan kepada pihak penderhaka yang masih lagi enggan menyerah diri.

Seruan itu memberi jaminan nama2 orang yang memberikan rahasia di-mana ada-nya penderhaka2 akan tetap di-rahasiakan, dan hadiah2 akan juga di-berikan dalam chara rahasia.

Sementara itu juruchakap tentera di-fahamkan hanya kira2 50 orang saja lagi penderhaka2 masih enggan menyerah diri kepada pasokan keselamatan.

32 ORANG LULUS PEPEREKSaan MENAIP DAN TERENGKAS

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 32 orang dari 40 orang chalon telah lulus dalam peperiksaan Trengkas Melayu di-ke-empat2 peringkat yang telah di-adakan di-bangunan Pejabat Pelajaran, Bahagian Bahasa dan Pustaka Brunei baharu2 ini.

Lapan orang daripada 32 orang yang lulus itu telah mendapat kelulusan istimewa. Empat orang dalam peringkat permulaan, sa-orang dalam peringkat menengah dan tiga orang dalam peringkat tertinggi.

Tiga orang chalon yang memasuki peperiksaan Trengkas Melayu Peringkat Perguruan telah juga lulus.

Sementara itu, dalam peperiksaan Menaip yang di-anjarkan oleh Trengkas Melayu Institute Malaya dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei itu enam orang telah lulus dalam peringkat permulaan dan 8 orang dalam peringkat menengah.

Dalam Peringkat Permulaan, sa-orang chalon telah mendapat kelulusan istimewa dan tiga orang telah mendapat kelulusan istimewa dalam peringkat menengah.

Menurut Juruchakap dari Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei keputusan peperiksaan trengkas dalam tahun ini ada-lah keputusan yang terbaik jika dibandingkan dengan tahun lepas.

Chalon2 yang berjaya dalam peperiksaan2 itu ada-lah saperti berikut :

TRENGKAS MELAYU

(Peringkat permulaan)

Md. Said bin Md. Salleh, Abd. Samad bin Haji A. Rahman, Tamit bin Hanafiah, Mahmud bin Hj. Ali Hussain, M. Noordin bin Haji Tengah (istimewa),

Tuah bin Abd. Kadir, Mohd. Diah bin A. Bakar, Md. Tali bin Tuah, Ibrahim bin Abd. Latif, Abd. Samad bin Omar (istimewa).

Julaihi bin Md. Daud, Noor Kaseh bin Awang Ahmad (istimewa), Umar bin Laman, Sulai-

man bin Edin, Mohd. Salleh bin Metassan (istimewa), Zainal bin Md. Taha, Maidin bin Haji Kasim dan Serudin bin Md. Tarif.

(Peringkat Menengah) :

Abdullah bin Md. Tahir, Mohd. Said bin Othman, Abd. Rahim bin Mat Wali, Abdullah bin Metassan (istimewa), Ak. Metarsad bin Pengiran Metassan dan Ibrahim bin Tinggal.

(Peringkat Tertinggi) :

Raden Ismail bin Awang (istimewa), Ibrahim bin Abdul Ghani, Md. Tahir bin Metassan (istimewa), Basir bin Md. Salleh

(istimewa) dan Abu Naim bin M. Said.

Keputusan, peperiksaan bagi Md. Tahir, Basir dan Abu Naim ada-lah keputusan peperiksaan Trengkas yang telah di-adakan di-Singapura pada 16 Disember tahun lalu.

(Peringkat Perguruan) :

Basir bin Md. Salleh, Mohd. Tahir bin Metassan dan Abu Naim bin M. Said.

PEPEREKSaan MENAIP

(Peringkat permulaan) :

Md. Tahir bin Metassan, Abu Naim bin Md. Said, Ak. Tuah bin Pengiran Hj. Menudin, Ya'akop bin Sidek (istimewa), Tuah bin A. Kadir dan Md. Diah bin Abu Bakar.

(Peringkat Menengah) :

Abdul Manaf bin Jambul, Abdul Halim bin Jamal, Raden Ismail bin Awang (istimewa), Hassan bin Louis (istimewa), Ibrahim bin Abd. Ghani, Serudin bin Md. Tarif, Haji Ahmad bin Tahir (istimewa) dan Ak. Sulaiman bin Pengiran Kula.

Ahli Dari Empat P. Politek Lihat Kemajuan Malaya

BERAKAS.—Satu rombongan sa-ramai 10 orang dari empat buah parti2 politek di-Brunei, dua orang di-antara-nya perempuan, telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada hari Isnin lepas untuk mengadakan satu kunjungan selama dua minggu, atas jemputan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Sa-orang juruchakap rombongan itu berkata, lawatan-nya ka-Tanah Melayu itu, akan membuka peluang kepada mereka, untuk melihat sendiri sa-chara lebeh dekat, tentan2 kemajuan2 yang di-chapai oleh Persekutuan di-bawah rancangan pembangunan luar bandar sejak ia-nya mencapai kemerdekaan enam tahun dulu.

Kata-nya, rombongan tersebut kelak, akan menemui pemimpin2 parti politek Malaya yang menyokong Malaysia, dan akan bertukar2 pendapat mengenai per-

kara2 umum, yang ada kaitannya dengan kedua2 buah negeri Brunei dan Malaya.

Ini ada-lah bertujuan untuk megukuhkan lagi tali persahabatan yang lebeh erat yang telah lama terpelihara itu, tegas juruchakap tersebut.

Juruchakap itu berkata, ini ada-lah julong2 kali ahli2 parti politek tempatan dari golongan kaum ibu menyertai lawatan sapura itu.

Kata-nya, lawatan tersebut akan memberi peluang kepada mereka melihat peranan2 dalam bidang politek yang di-sumbangkan oleh kaum ibu di-Tanah Melayu dalam merintis jalan kaarah Kemajuan negeri dan bangsa.

Juruchakap itu berkata, ini ada-lah julong2 kali ahli2 parti politek tempatan dari golongan kaum ibu menyertai lawatan sapura itu. X

FAKATAN SPY MUSNAH

VIETNAM.—Kerajaan Vietnam telah memusnahkan satu fakatan spy komunis yang penting di-sabua wilayah, 50 batu di-Barat Saigon, demikian diumumkan oleh sharikat berita Vietnam.

Sa-ramai 24 orang anggota fakatan tersebut, termasuk orang wanita telah di-tangkap.

Mereka di-beritakan telah mengaku bahawa mereka telah di-perintah supaya menyusup masuk ka-kampung2 perpindahan untuk mendapat maalamat2 yang di-perlukan oleh gurela2 komunis.

Gurela2 ini sekarang sedang menambatkan kegiatan mereka membentok sayap kelima dalam kampung2 perpindahan kerajaan yang di-lengkapi dengan senjata.

DI-TAWAN

Mengikut dokumen2 komunis yang di-tawan, langkah ini ia-lah taktik gurela yang utama sakali, dalam kempen mereka menentang rancangan kampung perpindahan yang strategic.

Dokumen2 itu menunjukkan bahawa perhatian berat telah di-beri atas kemajuan rancangan kerajaan dan menyalahkan pemimpin2 daerah gurela kerana memperkecilkan perkara ini.

Dengan jalan itu kata dokumen2 itu sa-terus-nya, akan membolehkan kerajaan dengan mudah dan segera memindahkan orang2 kampung ka-dalam kawasan2 perpindahan yang di-lengkapi dengan senjata.



Rombongan melawat ka-Malaya dari empat buah parti2 politek bergambar ramai sa-jurus sa-belum berlepas dari Lapangan Terbang Brunei di-Berakas pada 15 April lepas. Ketua rombongan Penyurat Haji Abu Bakar kelihatan nombor empat dari kiri. Di-sabelah kanan-nya ia-lah Puan Masraini binte Md. Daud manakala di-sabelah kiri-nya Puan Fatimah binte Zaini.